

**PUNCA-PUNCA KELEWATAN KEMAJUAN KERJA BAGI PROJEK REKA DAN  
BINA**

**AINI KHADIJAH BINTI RAHMAT**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2010**

## ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan industri yang terbesar yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara, sama ada dari segi pekerjaan mahupun kekayaan. Bagaimanapun, fenomena kelewatan dalam industri pembinaan semakin berleluasa, yang kemudiannya membawa kepada perlanjutan masa dan kos daripada yang telah dianggarkan. Masalah kelewatan dalam industri pembinaan merupakan satu fenomena global dan industri pembinaan di Malaysia tidak terkecuali. Sebagai salah satu jalan penyelesaian, kaedah perolehan secara Reka dan Bina menjadi pilihan pihak klien kerana kaedah ini secara teorinya menawarkan beberapa kelebihan terutamanya dari segi kawalan terhadap tempoh masa perlaksanaan. Dalam erti kata lain, kaedah ini dapat menjimatkan masa penyediaan projek melalui penyatuan tanggungjawab mereka bentuk dan membina di bawah satu entiti. Namun, realitinya tidak semua projek Reka dan Bina dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Maka, satu kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti punca-punca kelewatan kemajuan kerja bagi projek Reka dan Bina. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah tinjauan di mana borang soal selidik diserahkan kepada responden yang terdiri daripada kontraktor tempatan dan pernah mengendalikan projek Reka dan Bina. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS 16.0 bagi mendapatkan frekuensi jawapan responden dan seterusnya punca-punca kelewatan yang mendapat skor tertinggi dapat dikenal pasti. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat empat (4) punca utama yang menyebabkan kelewatan kemajuan kerja bagi projek Reka dan Bina. Punca-punca tersebut ialah kelewatan yang berpunca dari pihak PBT (45%), kelewatan yang berpunca dari pihak klien (33%), kelewatan yang berpunca dari pihak kontraktor yang tidak mengikut jadual kerja (11%) dan harga bahan meningkat (11%). Kajian ini turut mencadangkan beberapa cara bagi meminimumkan masalah kelewatan kemajuan kerja bagi projek Reka dan Bina.

## **ABSTRACT**

The construction industry is a major player in the economy, generating both employment and wealth. However, many projects experience extensive delays and thereby exceed initial time and cost estimate. Delay in construction industry is a global phenomenon where Malaysia has no exception. One of the solutions to minimize this problem is the use of Design and Build procurement method by the clients because this method theoretically offers several benefits, especially in term of implementation period control. In other words, this method can reduce the schedule of a project through mergers of designing and building responsibility under one entity. However, the reality is not all Design and Build projects can be completed on schedule as stipulated in the contract. Therefore, a study has been conducted to identify causes of delay in the progress of work for Design and Build projects. Research method used to conduct this study is a survey method where the questionnaires have been distributed to the respondents which consist of local contractors and have experience handling Design and Build projects. Data obtained was then analyzed using SPSS 16.0 software to get frequencies of respondents' answers and thus the causes of delays with the highest score can be identified. Results of this study revealed that there are four (4) major causes that leads the delay of the progress of work for Design and Build projects. The causes are delays caused by PBT (45%), delays arising from the client (33%), delays arising from the contractor which does not follow the work schedule (11%) and material price increases (11%). This paper also suggests few ways of minimizing the delay problems for Design and Build projects.